

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 17 JUN 2025

AKHBAR : KOSMO

MUKA : 8
SURAT

Kementerian Ekonomi tidak akan dirombak

Kementerian Ekonomi tidak akan dirombak

- Anwar ucap selamat maju jaya kepada Rafizi
- Beri masa Nik Nazmi untuk kekal di kementerian

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

KUALA LUMPUR — Perdana Menteri memaklumkan bahawa Kementerian Ekonomi tidak akan dibubarkan sekalipun Datuk Seri Rafizi Ramli sebelum ini telah memutuskan untuk meletak jawatan.

Menurut Datuk Seri Anwar Ibrahim, kementerian tersebut bagaimanapun akan diterajui oleh menteri lain, namun perkara itu belum diputuskan.

"Saya fikir tidak ada keperluan untuk dirombak apa-apa setakat ini dan saya ucap selamat berjaya kepada saudara Rafizi yang telah berkhidmat dengan begitu baik sebagai Menteri Ekonomi."

"Saya juga akan putuskan pada waktunya mana-mana menteri atau kementerian untuk menjalankan tugas (di Kementerian Ekonomi)," katanya ketika ditemui selepas Majlis Persrasmian Energy Asia di sini semalam.


Ditanya sama ada Kementerian Ekonomi akan diletakkan kembali di bawah Unit Perancang Ekonomi (EPU), Anwar berkata, tiada keperluan untuk mengembalikan perkara itu.

"Kita teruskan untuk sekarang kerana tidak ada isu dan tidak ada masalah untuk teruskan," katanya.

Mengulas mengenai kedudukan Nik Nazmi Nik Ahmad yang sebelum ini turut melepaskan jawatan, Anwar masih berharap agar Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) itu menurunkan tanggungjawabnya.

"Saya selalu tunggu dan beri peluang, (masa) untuk berfikir dan kalau boleh teruskan (tanggungjawab sebagai Menteri NRES). Masih ada masa lagi.

"Kita bagi ruang (kepada Nik Nazmi), kita janganlah nak suruh



ANWAR ketika berucap dan merasmikan Energy Asia di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), Kuala Lumpur semalam.



RAFIIZI



NIK NAZMI

terima (permohonan letak jawatan) orang itu masih cuti tarikhnya belum sampai," katanya.

Sebelum ini, Rafizi dan Nik Nazmi masing-masing mengumumkan untuk meletak jawatan dalam Jemaah Menteri susulan kekalahan mereka dalam pemilihan PKR baru-baru ini.

Rafizi berkata, beliau sudah menghantar surat peletakan jawatan kepada Perdana Menteri dan ia berkuat kuasa pada 17 Jun.

"Kekalahan saya dalam pemilihan PKR baru-baru ini bermakna saya tidak lagi mempunyai mandat dari parti saya untuk menterjemahkan agenda rakyat yang digagaskannya oleh PKR menjadi program kerajaan," katanya.

Sementara itu, Nik Nazmi yang kalah bagi pemilih Naib Presiden PKR turut mengikut jejak Rafizi apabila menghantar surat peletakan jawatan kepada Perdana Menteri berkuat kuasa 4 Julai.